


LAPORAN HARIAN
KEJADIAN JANGKITAN INFLUENZA VIRUS, H7N9 DI CHINA
(27 April 2013)

1. Laporan harian dikeluarkan bagi memaklumkan tentang kejadian jangkitan influenza virus H7N9 di China dan tindakan kawalan yang telah diambil oleh pihak Jabatan Perkhidmatan Veterinar, Malaysia.
2. Kes mula dilaporkan berlaku di negara China pada 4hb April 2013 yang dikesan pada manusia. Kejadian jangkitan influenza virus ini telah membawa kepada kematian manusia di negara China dan punca jangkitan virus adalah disyaki berpunca dari ternakan ayam dan burung dipasar basar di negara tersebut. Sehingga kini kematian manusia di China akibat jangkitan influenza virus H7N9 telah meningkat kepada 23 orang. Terkini, terdapat satu kes positif H7N9 dilaporkan berlaku di luar negara China iaitu di negara Taiwan.
3. Walaubagaimanapun tiada kes kematian disebabkan penyakit H7N9 pada populasi unggas tetapi sebagai langkah kawalan penyakit, pihak China telah memusnahkan sebilangan unggas yang terjangkit yang berjumlah 22, 878 ekor. Kes H7N9 ini dikategorikan sebagai tidak berbahaya kepada unggas tetapi berbahaya kepada manusia.
4. Susulan dari kejadian jangkitan influenza H7N9 dinegara China, pihak Jabatan Perkhidmatan Veterinar (DVS) telah mengambil langkah berjaga-jaga dan kesiapsagaan bagi menangani kejadian seumpama dari berlaku di dalam negara.
5. Antara langkah kawalan dan kesiapsagaan yang diambil oleh pihak DVS ialah :



a. Tindakan kesiapsagaan

i. Pembentukan Jawatankuasa Khas

Jawatankuasa khas seperti dicarta **Strategi Peningkatan Tahap Siapsiaga Terhadap Wabak H7N9** telah dikenalpasti bagi tujuan aliran komunikasi berjalan dengan efektif dan efisien.

ii. Kerjasama Antarabangsa


Penglibatan Pusat Kerjasama Antarabangsa (*Collaborating Center* seperti di Australia, Hong Kong, Jepun, Jerman dan Kanada) dalam bidang Influenza di luar negara bagi memantapkan program surveilans dan pemantauan juga telah berjalan.

iii. Makmal Veterinar Kawasan dan DVS Negeri

Semua Makmal Veterinar Kawasan dan DVS Negeri telah diarahkan untuk bersiap sedia dan mempertingkatkan kesiapsagaan bagi menghadapi wabak penyakit ini jika berlaku. Pasukan Tindakan Pantas, Pusat Pengurusan Krisis Ibupejabat, Pusat Operasi Negeri dan Lapangan telah diaktifkan sebagai langkah kesiapsagaan.

b. Larangan Pengimportan dari negara berwabak dan negara berisiko.

Semua jenis burung/unggas hidup termasuk telur dari negara-negara Asia, Mexico dan Afrika Selatan telah dikenakan larangan import berkuatkuasa dari 15hb April 2013. Susulan dari itu, larangan pengimportan bulu itik dari negara China juga telah dikeluarkan berkuatkuasa dari 18hb April 2013.



Pengimportan produk ayam beku dari negara China digantung mulai 23 April 2013. Konsainmen yang telah mendapat permit import dikenakan tindakan tahan-uji dan lepas (hold-test and release) untuk setiap konsainmen.

c. Survelan dan pemantauan penyakit


Tindakan kawalan lain yang telah dilakukan ialah meningkatkan aktiviti surveilan dan pemantauan disemua premis unggas dan unggas seperti ladang ayam komersil, ladang itik, ayam kampung, burung hijrah, burung liar, pasar basah, *entry point* dan kedai burung. Aktiviti surveilan dan pemantauan ini adalah penerusan dari Program Kawalan Penyakit Haiwan Kebangsaan yang sediaada dan dipertingkatkan lagi ke beberapa lokasi dan premis unggas yang berisiko serta pintu-pintu masuk kedalam negara.

6. Sehingga kini, surveilan dan pemantauan ayam kampung, itik, lain-lain jenis unggas (semua jenis burung liar) dan ayam komersil yang telah dijalankan bagi mengesan virus influenza diseluruh Semenanjung, mendapati masih tiada influenza virus yang dikesan positif terutamanya subtip H7N9. Sementara itu, bagi premis-premis unggas lain seperti kedai burung, pasar basah, santuari burung dan *entry point* aktiviti surveilan dan pemantauan sedang dijalankan. Status terkini aktiviti surveilan dan pemantauan adalah seperti di Jadual 1.




Jadual 1: Jadual Aktiviti Survelan dan Pemantauan (maklumat dari tahun 2011)

Kategori	Bil. premis	Bil. sampel	Penemuan
Ayam kampung	961	18,604	Negatif
Itik	487	9,195	Negatif
Lain-lain jenis unggas	255	2,622	Negatif
Ayam komersil	170	7,831	Negatif
Kedai burung	Survelan dan Pemantauan sedang berjalan		
Pasar basah			
Santuari burung			
Entry point			



Carta 1: Strategi Peningkatan Tahap Siapsiaga Terhadap Wabak H7N9



Disediakan oleh :
Seksyen Epidemiologi dan Survelan
Bahagian Pengurusan Biosekuriti dan SPS,
Jabatan Perkhidmatan Veterinar
Putrajaya
www.dvs.gov.my